



## **PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2022**

---

### **GARIS PANDUAN PEMBALAKAN KURANG IMPAK DI SEMENANJUNG MALAYSIA (KEMASKINI 2020)**

---

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Jabatan Perhutanan dan juga pihak-pihak yang terlibat berhubung Garis Panduan Pembalakan Kurang Impak di Semenanjung Malaysia (Kemaskini 2020).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sektor perhutanan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara dan memberikan sumbangan kepada pengekalan kestabilan alam sekitar serta kualiti kehidupan. Dalam mengekalkan kelestarian peranan ini, sumber hutan negara perlu diurus secara berkekalan, berlandaskan tiga teras utama pengurusan mapan iaitu berdaya maju dari segi ekonomi, alam sekitar dan boleh

diterima secara sosial. Selaras dengan itu, pengusahasilan hutan hendaklah dilaksanakan secara sistematik dan terancang untuk mengurangkan impak ke atas alam sekitar.

- 2.2 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menggubal dan melaksanakan langkah-langkah mitigasi yang merangkumi spesifikasi, peraturan dan panduan berkaitan pengusahasilan hutan. Kesemua spesifikasi, peraturan dan panduan ini perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam aktiviti pengusahasilan hutan.
- 2.3 Salah satu langkah mitigasi yang telah dilaksanakan ialah melalui pelaksanaan Pembalakan Kurang Impak [Reduced Impact Logging (RIL)]. RIL mengandungi panduan pengusahasilan hutan yang bermatlamatkan bagi mengurangkan kerosakan terhadap dirian tinggal, tanah dan kualiti air untuk mengekalkan keupayaan pengeluaran hutan serta fungsi ekologinya. Ianya juga mengambil kira keselamatan dan kesihatan pekerja dalam operasi pengusahasilan hutan.
- 2.4 Skop pemakaian RIL ini merangkumi aktiviti pengusahasilan di kawasan hutan darat asli di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang dikelaskan sebagai Hutan Pengeluaran Kayu di bawah Perolehan Berkekalan. Ianya menerangkan perancangan aktiviti sebelum, semasa dan selepas pengusahasilan serta aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 2.5 Garis panduan ini dikemaskini daripada garis panduan RIL sedia ada dengan mengambil kira isu dan perkembangan semasa dalam sektor

perhutanan. Preskripsi dan spesifikasi yang digariskan dalam panduan ini adalah berdasarkan amalan pengurusan hutan semasa di Semenanjung Malaysia dan sebagaimana yang dinyatakan dalam Manual Perhutanan yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk memastikan ianya mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), garis panduan, pekeliling dan syarat-syarat yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

### **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada Jabatan Perhutanan dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti pengusahaan hutan.

### **4.0 PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

- 4.1 Jabatan Perhutanan dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti pengusahaan hutan hendaklah mematuhi Garis Panduan Pembalakan Kurang Impak Di Semenanjung Malaysia (Kemaskini 2020) yang telah diterbitkan oleh JPSM pada tahun 2020. Garis panduan ini boleh dilayari menerusi laman sesawang JPSM ([www.forestry.gov.my](http://www.forestry.gov.my)).

## **5.0 PEMAKAIAN**

5.1 Garis Panduan Pembalakan Kurang Impak Di Semenanjung Malaysia (Kemaskini 2020) ini terpakai kepada Jabatan Perhutanan dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti pengusahaan hutan. Pemakaian garis panduan ini menggantikan *Guidelines For Reduced Impact Logging In Peninsular Malaysia* 2003.

## **6.0 TARIKH KUATKUASA**

6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya ditandatangi.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG)**

Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 1/3/2022